


Bab ini bertujuan menunjukkan beberapa penunjuk sosio-ekonomi terhadap kualiti hidup penduduk. Penunjuk sosio-ekonomi ini meliputi arah aliran mengenai demografi (pertumbuhan penduduk, nisbah jantina, nisbah tanggungan umur dan jangka hayat), kesihatan (nisbah kakitangan kesihatan terpilih kepada jumlah penduduk dan kemudahan kesihatan yang sedia ada), komunikasi (penggunaan telefon dan penggunaan dan terusan jalan raya), kenal huruf (keahlian perpustakaan dan koleksi bahan perpustakaan dan penjualan surat khabar) dan ketenteraman awam.

Malaysia - Perangkaan Penting dan Kesihatan

Carta 10.1


Pertumbuhan Penduduk Tahunan, Nisbah Jantina, Nisbah Umur Tanggungan dan Jangka Hayat



Sumber : Jabatan Perangkaan

Carta 10.2

Nisbah Penduduk bagi Kakitangan Kesihatan Terpilih



Sumber : Kementerian Kesihatan

Kadar purata pertumbuhan penduduk negara ini adalah 2.3% setahun sepanjang tempoh masa tahun 1990 hingga 1994. Sekiranya kadar pertumbuhan ini berkekalan, penduduk Malaysia dijangka akan mencapai 22.5 juta menjelang tahun 2000.

Pada tahun 1980, nisbah jantina pada masa kelahiran ialah 101:100 (101 lelaki kepada 100 perempuan). Pada tahun 1994 pula, terdapat 103 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

Nisbah tanggungan umur menunjukkan tahap penduduk yang tidak bekerja bergantung kepada mereka yang bekerja. Nisbah tanggungan umur di negara ini menunjukkan aliran menurun sepanjang tahun 1980 hingga 1994. Pada tahun 1980, setiap 100 orang yang bekerja perlu menanggung 76 orang sementara tanggungan ini berkurangan pada tahun 1990 (68.8 orang) dan tahun 1994 (65.3 orang). Pengurangan ini menunjukkan penerunan kesuburan, menjurus kepada berkurangnya peratusan kanak-kanak berumur 15 tahun ke bawah, satu ciri demografi yang lazim terdapat di negara-negara maju.

Dengan kemajuan dalam penyelidikan perubatan, kesedaran mengenai kesihatan dan kemampuan menikmati kemudahan kesihatan, jangka hayat bagi lelaki dan perempuan telah meningkat. Perempuan, pada umumnya hidup lebih lama dari lelaki. Pada tahun 1980, perempuan, pada puratanya, hidup 70.5 tahun berbanding 66.4 tahun bagi lelaki. Arah aliran menunjukkan peningkatan dalam jangka hayat mereka. Pada tahun 1994, perempuan pada puratanya dijangka dapat hidup selama 74.2 tahun berbanding 69.7 tahun bagi lelaki.

Salah satu dari penunjuk peningkatan penjagaan kesihatan ialah kadar bilangan kakitangan kesihatan kepada penduduk. Semenjak 1980, nisbah bagi kakitangan kesihatan seperti doktor, doktor gigi, farmasi dan jururawat (dalam perkhidmatan awam) kepada penduduk telah meningkat.

Nisbah doktor-penduduk telah meningkat berterusan semenjak 1980. Pada tahun 1980, terdapat seorang doktor kepada 3,800 orang dan ini meningkat kepada seorang doktor kepada 2,533 orang pada tahun 1990 dan seorang doktor kepada 2,207 orang pada tahun 1994.

Peningkatan yang serupa juga dapat dilihat dalam nisbah doktor gigi dan farmasi kepada penduduk. Nisbah doktor gigi kepada penduduk ialah seorang doktor gigi bagi 19,800 orang pada tahun 1980, 12,000 orang pada tahun 1990 dan 11,400 orang pada tahun 1994, manakala nisbah seorang farmasi kepada penduduk ialah seorang farmasi bagi 14,300 orang pada tahun 1990 kepada 12,900 orang pada tahun 1994. Bagi jururawat pula, nisbahnya ialah seorang jururawat bagi 1,800 orang pada tahun 1980, 1,500 pada tahun 1990 dan 1,400 orang pada tahun 1994.

Malaysia - Hospital

Carta 10.3


Katil dipenuhi dan Purata Harian Bilangan Pesakit Luar



Sumber : Kementerian Kesihatan

Carta 10.4

Bilangan Hospital dan Institusi Perubatan Khas dan Katil



Sumber : Kementerian Kesihatan

Mengenai bilangan katil di hospital, arah aliran menunjukkan lebih kurang dua pertiga bilangan katil di hospital Kerajaan dan institusi perubatan khas digunakan. Dengan bertambahnya bilangan hospital, bilangan katil digunakan telah menurun. Sebagai perbandingan, kadar katil digunakan adalah lebih tinggi di hospital-hospital besar.


Purata harian bilangan pesakit luar telah meningkat sebanyak 42.2% iaitu daripada 31,000 pesakit pada tahun 1985 kepada 45,000 pesakit pada tahun 1990, sebahagiannya disebabkan oleh pekerja pendatang yang memerlukan rawatan di hospital-hospital Kerajaan. Dari tahun 1990 hingga 1993, pada puratanya sebanyak lebih kurang 45,000 pesakit luar telah menerima rawatan dari hospital Kerajaan.

Kemudahan perubatan seperti hospital yang tersedia akan dapat meningkatkan kualiti hidup. Di Malaysia, bilangan hospital dan katil di hospital telah bertambah. Pada tahun 1980, ada sebanyak 88 buah hospital Kerajaan dengan 24,400 katil. Bilangan ini meningkat kepada 105 buah hospital dengan 26,500 katil pada tahun 1994. Perangkaan ini tidak termasuk klinik Kerajaan dan pusat kesihatan daerah dan luar bandar yang mana bilangannya juga meningkat. Bilangan institusi perubatan khas seperti rumah sakit mental di Tanjung Rambutan dan Pusat Kusta di Sungai Buloh, bagaimanapun, telah menurun dari 8 buah institusi perubatan khas dengan 10,200 katil pada tahun 1980 kepada 7 buah institusi perubatan khas dengan 6,700 katil pada tahun 1994.

Malaysia - Telekomunikasi dan Jalan Raya

Carta 10.5

Bilangan Telefon setiap 100 Penduduk dan Pelanggan Telefon mengikut Sektor




Sumber : Telekom Malaysia Berhad

Terdapat peningkatan yang memberangsangkan dalam kemudahan telefon. Kemudahan ini telah meningkat dari 4.4 talian telefon bagi setiap 100 penduduk pada tahun 1980 kepada 14.7 talian telefon bagi setiap 100 penduduk pada tahun 1994.

Arah aliran yang serupa juga kelihatan bagi pelanggan telefon untuk kediaman dan perniagaan. Dalam tempoh yang sama, pelanggan kediaman meningkat sebanyak 9 kali ganda manakala pelanggan perniagaan pula meningkat sebanyak 4.7 kali ganda, memberikan keseluruhannya pertambahan sebanyak 7 kali ganda bagi kedua-dua sektor.

Carta 10.6

Kenderaan Bermotor dan Kilometer Panjang Jalan Raya



Sumber : Jabatan Kerja Raya


Dengan adanya jalan raya dan tahap ianya digunakan dapat memberi petunjuk samada terdapat peningkatan dalam kualiti kehidupan. Dengan rangkaian jalan raya yang meluas, lebih ramai penduduk akan berpeluang membuat perjalanan samada untuk perniagaan atau bersiar-siar. Pada tahun 1994, terdapat lebih kurang 61,900 kilometer jalan raya, termasuk jalan raya berturap dan tidak berturap Persekutuan dan negeri berbanding 21,900 kilometer pada tahun 1980. Rangkaian jalan raya Persekutuan bertambah sebanyak 131% dari 6,390 kilometre pada tahun 1980 kepada 14,750 kilometer pada tahun 1994, manakala jalan raya negeri menunjukkan pertambahan yang memberangsangkan iaitu sebanyak 203% dalam tempoh yang sama.

Peningkatan rangkaian jalan raya yang sedia ada juga lebih digunakan. Penggunaan jalan raya oleh kenderaan (termasuk motosikal, kereta, bas, teksi, kereta sewa dan kereta persendirian dan kenderaan barangan) meningkat sebanyak 8.3% dari 108 kenderaan bermotor bagi setiap kilometer pada tahun 1980 kepada 117 kenderaan bermotor bagi setiap kilometer pada tahun 1994.

Malaysia - Perpustakaan Awam dan Surat khabar


Carta 10.7

Perpustakaan Awam, Keahlian dan Koleksi
Bahan Perpustakaan



Carta 10.8

Agihan Jualan Surat khabar mengikut Bahasa
dan Penduduk bagi setiap Jualan Surat Khabar



Pada tahun 1985, terdapat 113 perpustakaan awam dengan keahlian seramai 607,000 orang (341,000 kanak-kanak dan 266,000 dewasa). Dengan bertambahnya bilangan perpustakaan kepada 447 pada tahun 1994, keahliannya juga meningkat kepada 1.7 juta orang, manakala koleksi bahan perpustakaan (termasuk buku, monograf, publikasi bersiri, mikrofilem, manuskrip, slide dan lain-lain bahan cetak) meningkat dari 2.8 juta bahan pada tahun 1985 kepada 9.9 juta bahan pada tahun 1994.


Jualan surat khabar dalam bahasa Malaysia, Inggeris, Mandarin dan Tamil meningkat dari 2.6 juta naskah kepada 3.2 juta naskah pada tahun 1994. Ini bererti per kapita penjualan surat khabar pada tahun 1985 adalah 6 orang bagi setiap surat khabar dan meningkat kepada 6.1 orang bagi setiap surat khabar pada tahun 1994.

Surat khabar dalam bahasa Malaysia menguasai bahagian terbesar dalam jualan surat khabar iaitu syer 50.4%, diikuti oleh harian berbahasa Inggeris 34%, Mandarin 14.8% dan Tamil 0.8%. Pada tahun 1994, syer surat khabar dalam bahasa Malaysia berbanding keseluruhan jualan surat khabar meningkat kepada 53.7%, manakala syer surat khabar berbahasa Mandarin meningkat kepada 15.8%, menunjukkan bahawa surat khabar dalam dua bahasa ini telah meningkat. Walau bagaimanapun, syer surat khabar berbahasa Inggeris merosot kepada 29.8% dan bahasa Tamil merosot kepada 0.7%.

Malaysia - Ketenteraman Awam

Carta 10.9

Bilangan Kenderaan Terlibat dalam Kemalangan dan Jumlah Kerosakan terhadap Kenderaan/Harta Benda




Dengan bertambahnya penduduk, perolehan pendapatan yang lebih tinggi, peningkatan tahap aktiviti-aktiviti ekonomi dan sistem rangkaian jalan raya yang lebih meluas telah menggalakkan lebih ramai pemilik kenderaan bermotor, seperti dicatatkan dalam bilangan kenderaan yang didaftarkan, di mana ianya meningkat dari 2.9 juta unit pada tahun 1981 kepada 7.2 juta unit pada tahun 1994. Pada puratanya, pertambahan sebanyak 300,000 kenderaan bermotor di atas jalan raya Malaysia setiap tahun dalam tempoh tersebut.

Dengan bertambahnya bilangan kenderaan bermotor, ini telah membawa peningkatan kemalangan jalan raya yang lebih kerap. Bilangan kenderaan bermotor terlibat dalam kemalangan jalan melebihi dua kali ganda dalam tempoh tersebut, meningkat dari 108,000 kenderaan bermotor pada tahun 1981 kepada 252,000 kenderaan bermotor pada tahun 1994. Akibatnya, jumlah kerugian pada kenderaan bermotor dan harta benda meningkat dari RM36.8 juta pada tahun 1981 kepada RM167.7 juta pada tahun 1994, pertambahan sebanyak 356%.

Carta 10.10


Kecederaan/Kematian dalam Kemalangan Jalan Raya



Kadar kemalangan jalan raya yang tinggi di Malaysia telah menjadi satu perkara yang membimbangkan. Pada tahun 1981, Polis Diraja Malaysia menerima sebanyak 63,192 aduan mengenai kemalangan jalan raya. Daripada ini, sebanyak 22,303 melibatkan kecederaan/kematian yang mengakibatkan 65.6% mengalami kecederaan ringan, 22% kecederaan teruk dan 12.4% kematian. Pada tahun 1994, 6.7 kali ganda kemalangan telah dilaporkan. Sebagai perbandingan, 48,503 melibatkan kecederaan/kematian dimana 61.8% mengalami kecederaan ringan, 22.6% kecederaan teruk dan 10.6% kematian. Perangkaan menunjukkan bahawa mereka yang berumur antara 26 hingga 30 tahunlah yang selalunya terlibat dalam kemalangan jalan raya. Kecederaan kepala dan pelbagai kecederaan didapati unsur utama yang mengakibatkan kematian dalam sesuatu kemalangan jalan raya. Purata bilangan kematian bagi setiap 100 kemalangan, yang merujuk kepada nisbah bilangan kematian bagi setiap 100 kemalangan dilaporkan, telah menurun sejak 1990, iaitu dari 4.6 kepada 3.4 pada tahun 1994.


Malaysia - Ketenteraman Awam dan Perumahan

Carta 10.11
Perangkaan Kebakaran



Sumber : Jabatan Perkhidmatan Bomba, Malaysia

Carta 10.12
Peratusan Taburan Stok Perumahan mengikut
Jenis Kediaman dan mengikut Klasifikasi
Bandar dan Luar Bandar



Sumber : Banci Perumahan 1991, Jabatan Perangkaan

Kerapnya berlaku kebakaran terutamanya pada tahun 90an juga membimbangkan. Ini disebabkan bertambahnya bilangan bangunan yang didirikan serta kurangnya perhatian dalam aspek-aspek mencegah kebakaran yang diambil oleh pemilik bangunan. Pada tahun 1994, terdapat sebanyak 13,600 kes kebakaran dilaporkan dengan kerugian sebanyak RM371 juta berbanding anggaran jumlah yang dapat diselamatkan sebanyak RM4 bilion. Untuk meningkatkan keperihatinan dalam pencegahan kebakaran, Kerajaan akan melancarkan Kempen Kebakaran Sifar pada hujung tahun 1995. Dalam masa kempen tersebut, Jabatan Bomba akan menitikberatkan kepada orang ramai mengenai pentingnya langkah-langkah pencegahan kebakaran dan teknik memadamkan kebakaran. Seajar dengan ini, Kerajaan akan menggalakkan penubuhan lebih banyak lagi kumpulan sukarela melawan kebakaran di bandar-bandar kecil, jabatan-jabatan Kerajaan dan premis-premis di sektor swasta dengan menyediakan alat-alat melawan kebakaran.

Jabatan Perangkaan Malaysia telahpun menjalankan Banci Penduduk dan Perumahan pada tahun 1991. Bancian ini dapat memberi profile kedudukan perumahan di Malaysia dari segi stok perumahan dan komposisinya. Bancian menunjukkan stok perumahan negara telah meningkat sebanyak 5.3% setiap tahun dari 2.6 juta unit pada tahun 1980 kepada 4.1 juta unit pada tahun 1991.

Di kawasan bandar, unit kediaman berasingan telah meningkat dari 310,000 unit pada tahun 1980 kepada 613,000 unit pada tahun 1991 manakala unit teres meningkat dari 249,000 unit pada tahun 1980 kepada 783,000 unit pada tahun 1991. Terdapat juga meningkatnya minat untuk menduduki bangunan-bangunan tinggi. Bilangan unit flat, apartmen dan pangsapuri meningkat kepada 282,000 pada tahun 1991 dari 70,000 unit pada tahun 1980, 4 kali ganda pertambahan semenjak 1980.